

RMK-9 atasi masalah kemudahan asas di luar bandar

Hapus jurang sekolah

UM-27/3/06

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

KLUANG 26 Mac - Kementerian Pelajaran akan memastikan tiada jurang perbezaan kemudahan asas antara sekolah bandar dan luar bandar dalam tempoh lima tahun akan datang menerusi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, semua masalah fizikal dan jurang digital antara kedua-dua kawasan itu perlu ditangani dalam tempoh tersebut kerana masa semakin suntuk untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

"Selepas tempoh lima tahun tersebut, antara 2010 hingga 2020 tumpuan lebih khusus akan diberikan untuk melakukan anjakan pencapaian para pelajar ke tahap lebih tinggi," ujarnya.

Beliau berkata, walaupun pada dasarnya pencapaian pelajar sekolah pada masa kini di tahap yang memuaskan, namun ia masih rendah berbanding pencapaian pelajar sekolah di negara-negara luar.

"Jumlah pelajar berjaya walaupun membanggakan tetapi masih tidak mencukupi jika hendak lihat negara maju pada 2020 dan bersaing dengan negara-negara yang banyak kelebihan berbanding kita capai hari ini," katanya.

Hishammuddin yang juga Ahli Parlimen Sembrong berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program anugerah pelajar cemerlang Parlimen Sembrong di Sekolah Menengah Kahang Timur, dekat sini hari ini.

Program anjuran Puteri UMNO Johor itu turut dihadiri oleh Naib Ketua Puteri UMNO, Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Seramai 79 pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu menerima sijil penghargaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka membentangkan RMK-9 di Parlimen pada Jumaat ini.

Hishammuddin yang membayangkan kementeriannya bakal mendapat peruntukan besar dalam RMK-9, berkata, beliau

Sambungan dari muka 1

Hapus jurang sekolah

akan mengagihkannya mengikut jadual perancangan lima tahun.

"Semua pecahan peruntukan kepada sekolah akan diumumkan mengikut jadual lima tahun selepas pembentangan dan para pemimpin diharap menjadi mata serta telinga Kementerian Pelajaran dalam memastikan pelaksanaan peruntukan yang diberikan benar-benar dimanfaatkan," katanya.

Bagaimanapun Hishammuddin mengakui perkara paling

sukar ditangani ialah pengisian kokurikulum dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah dalam tempoh rancangan tersebut.

Paling ketara, jelas beliau, ialah kekurangan tenaga pengajar khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan sebagainya.

"Ini kelemahan unjuran dan saya mengarahkan Pengarah Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran membuat unjuran yang tepat terutama selepas 2007," katanya.

Bagaimanapun, pada masa ini beliau berkata, kementeriannya akan memastikan lebih banyak guru disalurkan kepada opsyen-opsyen bersesuaian untuk sekolah-sekolah yang memerlukan.

Hishammuddin berkata, guru-guru terlibat juga perlu bersedia bertugas di kawasan pedalaman selain meningkatkan kemahiran agar ia dapat diselaraskan dengan keperluan mata pelajaran yang kurang tenaga pengajar.